

KATA ADJEKTIF

LATIHAN 1

Pilih jawapan yang paling sesuai.

biru	lemau	sedap	hancing	hanyir
terik	rendang	kaya	sepahit	dalam
panjang	dingin	tebal	sombong	

1. Ikan darat _____ rasanya kalau tidak pandai cara memasaknya.
2. Biskut _____ itu jangan dimakan.
3. Telaga yang digali itu sungguh _____.
4. Masakan ibu saya sememangnya _____.
5. Ubat yang saya telan tadi _____ hempedu.
6. Seluar _____ murid sekolah rendah berwarna _____.
7. Tandas awam yang tidak bercuci itu berbau _____.
8. Mereka berteduh di bawah pohon _____ untuk mengelakkan cahaya matahari yang _____.
9. Semasa berada di London kami memakai baju _____ kerana keadaan cuaca di sana agak _____.
10. Tidak semua orang _____ bersikap _____ kerana ada juga yang suka bergaul dengan anggota masyarakat yang lain.

LATIHAN 2

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong.

1. Rumah _____ itu akan dibaiki tidak lama lagi.
A. baik B. rentung C. tua D usang
2. Ubi kayu itu direbus oleh kakak hingga _____.
A. gebu B. kenyal C. empuk D kental
3. Otak kita akan menjadi _____ jika kita selalu bersenam.
A. lembut B. cerdas C. cergas D keras
4. Budak itu memang _____ macam bendul. Usahlah kamu ganggu dia.
A. dungu B. bangang C. lurus D bodoh
5. Hang Jebat memang _____ bermain senjata.
A. tangkas B. pantas C. celus D cekal
6. Murid yang _____ kebanyakannya gemar membaca buku.
A. terbilang B. gemilang C. tertinggi D cemerlang
7. Kawasan yang indah dan _____ ini memang sesuai dijadikan taman rekreasi.
A. kusam B. hening C. makmur D kagum
8. Program itu mendapat sambutan _____ daripada para peserta.
A. hangat B. hebat C. lemah D lembab
9. Ikan darat memang berbau _____ kalau tidak pandai memasaknya.
A. hancing B. hanyir C. busuk D payau
10. Biduanita yang bersuara _____ itu mendapat tepukan _____ daripada penonton.
A. garau ... rancak B. halus ... hangat
C. lunak ... sengit D merdu ... gemuruh